

# Anugerah kedua

**Seremban:** Penuntut Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah (FPQS), Khairul Rozikin Abu Kassim dan Ain Najwa Mohd Latif dari Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP), masing-masing dipilih sebagai olahragawan dan olahragawati Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) 2014.

Pemilihan anugerah berprestij itu dibuat semasa Majlis Anugerah Sukan USIM 2014 yang disempurnakan oleh Naib Canselor USIM, Profesor Datuk Dr Musa Ahmad di Dewan Besar USIM, Nilai, dekat sini, kelmarin.

Penolong Pendaftar Pusat Komunikasi Strategik (StraComm) USIM, Mohd Zaini Othman berkata, Khairul Rozikin, 21, yang berasal dari Selangor menyinar apabila mewakili Malaysia dalam acara futsal ke Sukan Universiti ASEAN kali ke-17 di Palembang, Indonesia pada tahun lalu dan membantu meraih pingat gangsa.

Katanya, bekas pemain bawah 19 tahun FELDA United itu kini aktif sebagai pemain bola sepak dalam Liga FELDA Kebangsaan dan pencapaiannya membuktikan USIM mempunyai bakat bertaraf antarabangsa.

"Anugerah itu pengiktirafan kedua diterimanya selepas ba-



**DR Musa bersama penerima anugerah Olahragawan dan Olahragawati USIM 2014.**

ru-baru ini turut dipilih sebagai Atlet Terbaik Majlis Sukan Universiti-universiti Malaysia (MASUM) dalam Majlis Anugerah MASUM 2014 di Universiti Tun Hussein Onn (UTHM).

"Ain Najwa, 21, pula mewakili USIM dalam pencak silat pada Kejohanan Silat MASUM tahun lalu membolehkannya dipilih buat kali kedua sebagai olahragawati USIM," katanya dalam satu kenyataan di sini.

Katanya, Shah Ruddin Harun, 40, dan Wan Azura Radzuan, 35,

masing-masing dari Jabatan Keselamatan dan Jabatan Perpustakaan dipilih sebagai olahragawan dan olahragawati kategori kakitangan.

"Shah Ruddin memenangi pingat perak dalam acara tarik tali Sukan Kakitangan Universiti-Universiti Malaysia (SUKUM), manakala Wan Azura atas pencapaiannya berstatus Master Tenpin Bowling.

"Semua pemenang menerima piala pusingan, trofi dan sijil penghargaan," katanya.